



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Pahang yang dipengerusikan bersama oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang dan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sesi libat urus dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah dimulakan sejak 5 Julai 2019 lalu dan Negeri Pahang merupakan negeri kesepuluh dalam siri jelajah ini.

Sebagai negeri terbesar di Semenanjung Malaysia, Pahang mempunyai potensi besar dalam meningkatkan sumbangan kepada ekonomi negara. Maka, temu tembung Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Pahang pada pagi ini merupakan langkah pertama dalam usaha menstruktur semula ekonomi supaya kesenjangan ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah dapat dirapatkan dan manfaat pembangunan negeri dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Kerjasama strategik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak juga direalisasikan melalui pelaksanaan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2.0 merangkumi tahun 2018 hingga 2025. Pelan ini menyasarkan pelaburan swasta berjumlah RM31 bilion yang bakal mencipta 52,550 pekerjaan dan melahirkan kira-kira 23,090 orang usahawan tempatan.

Mesyuarat hari ini juga membincangkan bagaimana pelancaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) oleh Kerajaan Persekutuan mengukuhkan kedudukan Pelabuhan Kuantan di rantau ASEAN dan Asia Pasifik. Di bawah RMKe-12, Kuantan berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab pengangkutan dan logistik kepada Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Pelabuhan Kuantan serta kawasan-kawasan perindustrian di Pantai Timur bagi menambah nilai kepada projek ECRL.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi serta ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Pahang.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**16 Ogos 2019**